

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, October 21, 2019 2:32 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pesanan Tun M Suntik Inspirasi Untuk Belajar



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

21 OKTOBER 2019 / 22 SAFAR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

PESANAN TUN M SUNTIK INSPIRASI UNTUK BELAJAR



UUM ONLINE: Rutinnya sentiasa sibuk sebagai peneraju syarikat farmaseutikal terbesar negara, ditambah lagi tanggungjawabnya sebagai seorang isteri, ibu kepada empat orang anak dan pada masa sama menjadi seorang pelajar memerlukan Pengarah Urusan Pharmaniaga Berhad, Dato' Farshila Emran mengatur strategi dan mengurus masa dengan cekap dan berkesan.

Buktinya, pada sesi kedua Majlis Konvokesyen Ke-32 UUM, semalam telah menyaksikan segala pengorbanan dan perjuangan beliau telah berbayar apabila mengekalkan momentum cemerlang dengan CGPA 3.89, sekali gus merangkul Anugerah Angkatan Koperasi Kebangsaan (ANGKASA).

Beliau berkata, manusia yang menguruskan masa, bukan masa yang mengurus manusia dan beliau sentiasa ingat pesanan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bahawa '*passion is everything*'.

"Contohnya, Tun Daim Zainuddin yang berjaya menamatkan pengajian Ijazah Kedoktoran (PhD) dari Universiti Malaya pada usia 81 tahun baru-baru ini telah menjadi pemangkin semangat dan saya percaya di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.

"Hari ini hari yang cukup bersejarah, saya amat bersyukur pada Illahi dan berterima kasih pada suami yang sentiasa berada di sisi di saat susah senang, setia menjadi penguat semangat, anak-anak dan pensyarah yang tidak pernah putus memberi dorongan.

"Saya mahu menjadi aspirasi dan inspirasi kepada anak-anak apabila melihat ibu mereka berusaha keras untuk mengejar ilmu di usia begini agar mereka juga terus berusaha mencapai kejayaan cemerlang," kata graduan Sarjana Pentadbiran Perniagaan itu.

Dato' Farshila berkata, beliau mengikuti kelas di UUMKL pada setiap hari Sabtu dan Ahad, malah keluarga dan staf di Pharmaniaga juga sudah memahami jadual kuliahnya itu yang membolehkannya bijak membahagikan masa sebaiknya.

Berbicara mengenai kerjayanya, Pharmaniaga Berhad merupakan sebuah syarikat yang mengeluarkan, memasarkan, dan mengedar produk farmaseutikal dan perubatan ke hospital kerajaan dan institusi swasta.

Menurutnya, bidang tersebut menjadikan beliau lebih prihatin terhadap permasalahan orang lain dan secara tidak langsung akan memastikan orang sakit mendapat ubat secara tepat dan cepat kerana kelewatan akan mengundang padah kepada pesakit.

Katanya, untuk menjadi ketua yang profesional, seseorang harus mendapat sokongan daripada pekerja, tahu banyak perkara, berilmu, empati, minta maaf jika salah walaupun dengan orang bawahan.

"Dengan memimpin melalui teladan, kita tidak perlu sentiasa mengingatkan staf untuk lakukan apa yang kita kehendaki. Hanya perlu tunjukkan contoh yang baik supaya mereka boleh ikuti.

"Begitu juga dengan pemberian anugerah, sebaiknya '*promote*' staf kita dengan memberi laluan kepada orang penting syarikat dengan cara ini masing-masing ada peluang untuk ke depan, malah apabila kita mempunyai banyak peluang, kongsi dengan staf misalnya memberi peluang kepada mereka untuk serahkan sumbangan yang perlu disampaikan kepada VVIP.

"Dengan cara ini, mereka juga dapat merasai apa yang kita rasa dan masing-masing ada peluang untuk ke depan. Inilah *win-win situation* di mana mereka akan rasa dihargai dan kita pula akan mempunyai lebih masa bersama keluarga.

"Jika staf rasa dipercayai dan dihargai oleh syarikat, ia akan menimbulkan *sense of belonging*. Mereka akan lebih gigih bekerja dengan ikhlas, dalam suasana yang menyeronokkan dan penuh motivasi tinggi untuk mencapai kecemerlangan. Secara keseluruhannya, kita akan membentuk staf yang lebih bagus," katanya yang kini sedang mengikuti pengajian di peringkat PhD di UUM.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Dato' Seri Sabin Samitah berkata, UUM dan LHDN telah lama menjalinkan kerjasama bagi membuka

peluang kepada pegawai yang ingin melanjutkan pengajian di peringkat sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD).

Menurutnya, dari situ, timbul minat untuk melanjutkan pelajaran di peringkat PhD dan hasil pergaulan dengan pensyarah UUM yang datang ke Akademi Percukaian Malaysia, beliau mula belajar untuk lebih fokus pada topik tertentu.

“Jika sebelum ini saya hanya membaca sekadar hobi untuk mengetahui perkara baru tentang cukai tetapi dengan mengikuti PhD ini, saya lebih mendalami metodologi penyelidikan, penulisan akademik dan meningkatkan pengetahuan dalam membuat kajian secara mendalam berdasarkan perspektif akademik.

“Pada zaman serba canggih ini dengan kemudahan internet, saya tidak perlu ke perpustakaan memandangkan saya boleh akses kepada jurnal, buku dan tesis di Perpustakaan Sultanah Bahiyah,” katanya.

Beliau merakamkan ucapan terima kasih kepada dua penyelia, Prof. Dr. Kamil Md Idris dan Dr. Saliza Abdul Aziz yang telah banyak membantu beliau dalam menyiapkan tesis pengajian.

“Di mana ada kemahuan di situ ada jalan, hendak seribu daya tak hendak seribu dalih, jadi teruskan bekerja keras untuk mendapatkan sesuatu yang diharapkan,” pesannya menutup bicara.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.